

# Jabatan Pendaftar UMS adakan taklimat myPortfolio

UB 17.1.2019 2

KOTA KINABALU: Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Taklimat myPortfolio untuk kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP).

iaadalahusahamenyelaraskan semula maklumat berkenaan Pekeliling Kemajuan PentadbiranAwam(PKPA) Bil. 4 Tahun 2018, yang diadakan selama dua hari di Bilik Latihan Khusus ICT, Jabatan Teknologi

Mlumat dan Komunikasi (JTMK) UMS.

Seramai 65 kakitangan JHEP menghadiri taklimat berkenaan yang disampaikan penceramah jemputan dari Jabatan Pendaftar, Mohd Khairuddin Ahmad.

Dalam taklimatnya, Khairuddinmemberipenjelasan secara terperinci berhubung penyediaan myPortfolio berkenaan.



**SESI penyampaian cenderahati kepada Khairuddin.**

“Tujuan myPortfolio ini dilaksanakan adalah sebagai penambahbaikan Manual Prosedur kerja dan Fail Meja kakitangan yang digunakan sebelum ini.

“Ia juga radas pengurusan sumber manusia ke arah melonjakkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam umumnya dan UMS khususnya,” jelasnya.

**SESI bergambar bersama penceramah dan kakitangan JHEP.**